



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III

Bil. 14

Hari Rabu

12hb Julai, 1989

KANDUNGANNYA

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Ruangan 40)**

Penangguhan Meayuarat (Ruangan 56)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah
Pencegahan Khas)(Pindaan) (Ruangan 41)**

Rang Undang-Undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) (Ruangan 49)

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Lebuhraya Seremban/Port Dickson/Pasir Panjang - Y.B. Tuan
Chan Choong Tak (Ruangan 56)**

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 12hb Julai, 1989**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BAITUL MAQDIS - USAHA PEMULIHAN SEMULA

1. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Luar Negeri menyatakan sedang kita berusaha untuk mewujudkan semula Negara Palestin, apakah usaha kita sekurang-kurangnya untuk mendapat hak menziarahi Masjid Aqsa dan Baitul Maqdis, tempat yang ketiga terpenting bagi umat Islam.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pengisytiharan negara Palestin yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Palestin (PNC) dalam persidangannya pada 15hb Oktober, 1988 di Algiers, Algeria adalah merupakan satu tindakan tegas oleh Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) ke arah mewujudkan sebuah negara yang merdeka bagi rakyat Palestin. Jerusalem atau Baitul Maqdis di mana terletak Masjid Al-Aqsa akan menjadi sebagai ibu negeri bagi negara Palestin itu. Sejajar dengan matlamat ini Malaysia telah mengiktiraf negara Palestin, diikuti oleh negara-negara Islam yang lain.

Negara kita dan negara-negara Islam yang lain sentiasa memandang berat terhadap kedudukan Baitul Maqdis dan Masjid Al-Aqsa yang masih terus dikuasai oleh pihak Israel. Usaha-usaha terus diambil oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-negara Islam Sedunia serta Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) untuk mencari penyelesaian ke atas masalah Palestin dan seterusnya menamatkan penguasaan Israel ke atas Baitul Maqdis.

Malaysia mengambil peranan yang aktif dalam usaha-usaha itu dan telah dipilih menganggotai satu Jawatankuasa Pakar Mengenai Palestin dan Al-Quds Al Shariff yang terdiri dari sembilan negara anggota OIC bagi mengawasi dan mengambil sebarang langkah yang wajar untuk memastikan keadaan asal Baitul Haqdis terjaga dan tidak tercemar. Ini merupakan satu tindakan yang perlu diambil sementara menunggu tercapainya penyelesaian masalah politik di Palestin.

LIPUTAN BERITA RTM

2. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim minta Menteri Penerangan menyatakan bagaimanakah sesuatu upacara yang dianjurkan oleh satu-satu Badan yang melibatkan orang ramai boleh disiarkan di Televisyen:

- (a) adakah pelancaran atau perasmian penyampaian hadiah atau derma itu disampaikan oleh Menteri; dan
- (b) adakah majlis yang dianjurkan itu dihadiri oleh Menteri lelaki sahaja, kerana Menteri wanita hanya disiarkan di Televisyen adalah yang di upacara majlis anjuran swasta sahaja.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) RTM membuat liputan-liputan mengikut kepentingan dan nilai berita sesuatu upacara kepada para penonton dan rakyat. Usaha sentiasa dijalankan untuk memperbanyakkan lagi liputan upacara-upacara penting itu supaya dapat memberi maklumat dan keterangan-keterangan penting mengenai dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan yang berkaitan dengannya. Kepentingan upacara-upacara itu tidak semestinya terletak kepada hadir atau tidak hadirnya seseorang Menteri, tetapi jika ia dihadiri oleh seorang pemimpin

negara yang penting, tentulah upacara atau majlis itu sendiri merupakan suatu majlis yang penting juga.

- (b) RTM tidaklah membeza-bezakan seorang Menteri lelaki dengan seorang Menteri wanita dalam membuat sebarang liputannya. Sama ada seorang Menteri wanita itu lebih banyak dilihat melalui televisyen merasmikan majlis swasta ataupun majlis awam ini adalah bergantung kepada peri kepentingati nilai berita yang disebutkan tadi.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak begitu memuaskan hati saya kerana di peringkat negeri-negeri kita mengadakan beberapa kegiatan terutamanya melibatkan kepada orang-orang luar bandar iaitu menguntungkan kepada mereka atau menjalankan amal kebajikan untuk mereka. Ini adalah untuk meninggikan lagi imej Kerajaan, tetapi oleh kerana beberapa kali kita minta, sekalipun tidak dapat....

TuanYang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalan tambahannya?

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Soalan tambahannya ialah kerana tidak dapat liputan daripada televisyen, walaupun kita mengerjakan untuk orangramai.

Kedua, berkenaan dengan Menteri wanita. Pada satu masa kita telah menganjurkan semua Menteri wanita dan Timbalannya telah hadir, kita minta supaya buat liputan, ini satu perkara yang penting juga tidak dapat langsung, itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pertimbangan atas perkara Ini.

Tuan Railey bih Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab ge kali gus kedua-dua soalan tambahan yang ditimbulkan sebentar tadi. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri ataupun daerah-daerah, pihak RTM di dalam membuat liputan-liputan tertentu setelah menerima permintaan ataupun notis ataupun sama ada melalui surat mahupun telefon dalam waktu-waktu yang kita fikirkan mencukupi untuk mengadakan liputan di sesuatu kawasan. Jadi, boleh jadi Yang Berhormat telah timbulkan sebentar tadi ada kadangkalanya di negeri-negeri ataupun, di daerah-darah kenapa liputan tidak dapat dilakukan mungkin oleh kerana (i) tidak cukupi kakitangan, (ii) lambat memberitahu kepada pihak RTM sendiri dan (iii) mungkin juga pada waktu-waktu yang sama itu RTM sudah 'committed' mengadakan liputan di tempat lain. Jadi, oleh sebab itulah tidak dapat kita mengadakan jika sekiranya permintaan-permintaan itu datang sudah lewat dan sebagainya. Jadi, saya rasa memadai jawapan bagi tambahan tadi.

SUKAN SEA - PRESTASI PESERTA

3. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai prestasi peserta-peserta ahli Sukan Negara ke Sukan SEA Ke XV yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1989 ini dan apakah jenis-jenis sukan yang negara kita akan mengambil bahagian serta akan beroleh kejayaan cemerlang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan menyertai ke semua 24 jenis sukan yang ada dipertandingkan dalam Sukan SEA ke 15 iaitu:-

1. Angkat Berat
2. Badminton
3. Bola Keranjang
4. Boling
5. Bolasepak
6. Bola Tampar
7. Golf
8. Gimnastik
9. Hoki
10. Judo
11. Kapal Layar
12. Karate-do
13. Lumba Basikal
14. Lawan Pedang
15. Memanah
16. Menembak
17. Olahraga
18. Ping Pong
19. Renang
20. Sepaktakraw
21. Silat Olahraga
22. Taekwondo
23. Tennis
24. Tinju

Adalah dijangkakan negara kita akan mencapai kejayaan cemerlang dalam sukan-sukan berikut:-

- (i) Renang khususnya dari Nurul Huda dan Jeffrey Ong
- (ii) Olahraga melalui atlit-atlit seperti Josephine Mary, Sidek Sahak, Zaki Sadri dan lain-lainnya.
- (iii) Silat Olahraga, Karate-do dan Taekwando.
- (iv) Hoki (Lelaki) dan Hoki (Wanita).
- (v) Lumba Basikal melalui Rosman Alwi.
- (vi) Menembak melalui Sabiamad Ahmad dan Pasukan Skeet.
- (vii) Bina Badan melalui Malek Noor dan Frankie Chin.
- (viii) Sukan Boling, Sepaktakraw, Kapal Layar, Badminton, Gimrama dan Ping Pong.

Prestasi peserta-peserta ke Sukan SEA amatlah memberangsangkan. Kebanyakan atlit-atlit ini telahpun menjalani latihan pusat fasa terakhir dan pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM) akan mengadakan Kem Latihan Nasional di Bangi selama sebulan untuk Kontingen Malaysia.

Dengan mengumpulkan semua atlit dan pegawai-pegawai sukan dalam Kem Latihan, segala usaha bersama sebagai sebuah Kontingen akan dapat dilaksanakan. Ini bukan sahaja akan mengurangkan perbezaan yang mungkin terdapat di kalangan anggota kontingen malah akan dapat mengatasi masalah-masalah yang mungkin ada sebelum pertandingan Sukan SEA dimulakan.

Tuan K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada hadiah yang biasa, adakah skim galakan bagi pemenang-pemenang pingat emas di Sukan SEA?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hadiah biasa, Kementerian Belia dan Sukan ada memberi hadiah lain untuk peserta-peserta atau atlit-atlit yang dapat prestasi cemerlang. Sekarang saya tidak ada detilnya di sini, tetapi saya boleh beri kalau ada notis.

SUMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN

4. **Dr. Ng Kheng Kiang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah faktor-faktor yang telah dikenalpasti yang menyebabkan negara kita ketinggalan dari segi ekonomi perindustrian dan lain-lain berbanding dengan negara-negara seperti Singapura, Taiwan, Korea, Negeri Thai dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK telahpun meningkat sebanyak 24.4% dalam tahun 1988 dan dijangka meningkat sebanyak 26.2% dalam tahun 1990. Sumbangan sektor perindustrian telah melebihi daripada sumbangan sektor pertanian sebagai sektor yang utama sekali di dalam ekonomi negara.

Di samping itu, eksport sektor ini dijangka meningkat daripada 48.6% dalam tahun 1988 kepada 55.9% dalam tempoh 1990. Gunatenaga di sektor ini dijangka akan meningkat pada kadar 6.4% setahun bagi tempoh 1986-1990 dan sumbangan kepada jumlah gunatenaga dijangka meningkat sebanyak 17.7% pada tahun 1990.

Ekonomi Malaysia berbeza daripada ekonomi negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan sebab sektor pertanian masih menarik minat pengusaha dan pelabur Malaysia kerana inilah bidang yang mereka faham dan peluang untuk mendapat pulangan yang lumayan daripada bidang ini masih mudah. Selain daripada pertanian, bidang yang diminati oleh pengusaha-pengusaha Malaysia ialah kewangan seperti bank, syarikat-syarikat kewangan, dan lain-lain, pembinaan atau construction dan secara kecil-kecilan industri perkhidmatan ataupun service industry. Sebaliknya, negara-negara yang disebut tadi tidak mempunyai tanah yang mencukupi dan yang subur serta lain-lain sumber asli. Justeru itu, mereka terpaksa memasuki bidang industri dan bergantung kepada sumber manusia yang mereka ada.

Jika dilihat, pertumbuhan industri di negara-negara tersebut diusahakan sendiri oleh penduduk tempatan. Oleh kerana pengusaha-pengusaha Malaysia kurang berminat untuk melabur dalam bidang industri, kita terpaksa bergantung kepada pelaburan asing. Untuk menarik pelaburan asing ini, galakan perlu diberi.

Buat beberapa lama Kerajaan terpaksa memasuki beberapa bidang industri yang memerlukan modal yang besar kerana usahawan tempatan tidak berkemampuan. Sekarang pihak swasta Malaysia sudah lebih berani dan mereka, telah menunjukkan lebih minat untuk mengambil bahagian dalam pembangunan industri. Dengan adanya usaha-usaha pihak swasta ini, dan dengan galakan yang diberikan kepada pelaburan asing, pertumbuhan ekonomi berasaskan industri akan mencapai tahap yang lebih pesat.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah agaknya pelabur-pelabur asing ini setelah bersetuju melabur di negara kita, selepas itu, menarik balik keputusan mereka?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga ada, kerana ini adalah perniagaan dan perniagaan dia perlu mengikut keadaan 'climatic economy' dan kalau didapati tidak begitu baik, mungkin mereka tarik balik. Tetapi saya tidak dapat memberi butir-butir lanjut berkenaannya.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sejauh manakah pelaburan tempatan mula meningkat akhir-akhir ini hasil daripada usaha Kerajaan untuk menyakinkan mereka bahawa potensi untuk melabur dan mendapat keuntungan daripada negeri sendiri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada tanda-tanda bahawa pelaburan oleh pelabur-pelabur dalam negeri adalah meningkat tetapi saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat oleh kerana aaya memerlukan notis berkenaan dengan perkara ini.

DRAMA SWASTA TV - MUTU

5. Dr. Nordin Selat minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak mutu drama swasta TV tidak memuaskan. Adakah Kementerian Penerangan merapunyai usaha-usaha tertentu untuk memastikan mutu drama tersebut adalah baik.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, RTM senantiasa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki lagi mutu drama swasta supaya ia dapat memenuhi selera para penonton dan rakyat. Laporan daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa bilangan penonton drama swasta adalah antara yang tertinggi berbanding dengan rancangan-rancangan lain. Ini adalah dianggap sebagai bukti bahawa mutunya telahpun bertambah baik, walaupun ia raungkin tidak dapat memenuhi citarasa semua lapisan masyarakat. Usaha-usaha terus dijalankan untuk mengadakan kursus-kursus penilaian drama dan memperbaiki penerbitan. Drama daripada Indonesia juga disiarkan sebagai perbandingan. Dalam jangka panjang persaingan yang bebas antara penerbit-penerbit drama di negara ini adalah dipercayai akan meningkatkan lagi mutu penerbitan drama tempatan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan adakah Kementerian menyediakan ahli panel ataupun jawatankuasa untuk mengkaji mutu drama ini dan kalau ada dari golongan manakah ahli-ahli panel ini dilantik.

Yang kedua, kerap kali hari ini drama daripada Indonesia sentiasa diulangtayang dan dalam tempoh 3 minggu ataupun sebulan diulangkan semula. Tidakkah ada drama-drama yang lebih menarik ataupun lebih baik untuk drama tempatan sendiri?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, panel yang mengkaji drama swasta ini ialah ditubuhkan dalam Kementerian sendiri yang terdiri dari beberapa orang yang berkenaan di dalam Kementerian termasuklah yang ada kaitannya dengan Bahagian Agama.

Yang kedua, berkenaan dengan filem Indonesia, saya kurang pasti sama ada seminggu atau dua minggu selepas ditayangkan kemudian ditayangkan lagi sebuah filem Indonesia itu. Tetapi biasanya jika sekiranya sebuah filem itu didapati dapat penerimaan umum dan mempunyai tajaan yang baik ianya mendapat ulangtayang tetapi sama ada awal atau tidak itu saya kurang pasti.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila drama swasta diberikan kepada pihak swasta, apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh Kementerian Penerangan?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, drama swasta yang kita anjurkan mempunyai guidelines, dengan izin, yang diberikan oleh Kementerian. Jadi, setiap drama swasta yang dibuat itu hendaklah menurut guidelines yang telah disediakan oleh Kementerian.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, benarkah pihak swasta tidak berikan iklan-iklan bagi drama swasta Tamil kerana masa tayangan drama swasta Tamil itu tidak sesuai. Benarkah pihak swasta tidak suka memberi iklannya kerana masa tayangan tidak sesuai, dan kedua, pernahkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat tengok drama swasta Tamil pada hari Sabtu di mana drama itu dijadualkan ditayangkan pada setengah jam cuma 20 minit sahaja kita dapat tengok drama itu? Apakah sebabnya?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, drama Tamil memang diadakan awal pada siang kerana, pertama, kita terpaksa kenakan pada waktu di mana suku-suku Tamil yang berada di estet yang tidak mempunyai bekalan elektrik sehingga jauh malam dan terpaksa kita adakan pada waktu itu.

Kedua, tidak benar jika sekiranya tidak ada pihak yang hendak menaja drama Tamil. Dahulu memang benar tidak mempunyai sambutan yang begitu baik, jadi tidaklah begitu dapat galakan yang baik tetapi akhir-akhir ini nampaknya ada pihak sudah tampil ke hadapan untuk menaja drama Tamil. Satu daripadanya kalau tidak silap saya ialah Ganesh Travel dan mungkin yang lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU

6. Tuan G. Rajoo [di bawah S.0,23(2)] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil sekiranya ada untuk menjadikan kampung-kampung baru kepada bandar sepertimana yang telah diisytiharkan kepada awam tidak lama dahulu, Sila nyatakan kampung-kampung baru berkaitan, sekiranya ada dan peruntukan yang diberikan untuk tindakan sedemikian untuk tahun:

- (i) 1985;
- (ii) 1986;
- (iii) 1987;
- (iv) 1988 dan
- (v) 1989

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti sebanyak 16 kampung-kampung baru. Kampung-kampung baru ini dua bagi tiap-tiap negeri Selangor, Johor, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kelantan, manakala satu bagi tiap-tiap satu negeri Kedah dan Melaka, Kampung-kampung baru ini telah diletakkan di bawah pembangunan Penguasa-penguasa Tempatan sama ada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah atau Majlis-majlis Mesyuarat Tempatan. Oleh yang demikian, bagi pihak Kerajaan tidak mengadakan peruntukan khusus bagi kampung-kampung baru ini.

NAHAS KAPALTERBANG POLIS DIRAJA

7. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) hasil siasatan oleh Kementeriannya atas nahas kapalterbang Polis Di Raja Malaysia Philatus di Lebuhraya Subang baru-baru ini;
- (b) sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk memindahkan semua pendaratan kapalterbang kecil (light aircraft) dari Subang ke suatu tempat yang lain memandangkan kesesakan di Lapangan Terbang Subang sekarang; dan
- (c) jika ada bila dan apakah rancangannya. Jika tidak kenapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, sebuah Lembaga Penyiasat yang diketuai oleh Inspektor Kemalangan Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam telahpun ditubuhkan untuk menyiasat nahas kapalterbang Philatus Porter Polis Di Raja Malaysia pada 17hb Mei 1989. Lembaga Penyiasat masih menjalankan siasatannya dan laporan hanya akan diperolehi setelah Lembaga Penyiasat selesai menjalankan penyiasatannya itu. Oleh yang demikian hasil siasatan itu hanya akan diketahui apabila Kementerian menerima laporan kemalangan itu.

Bagi jawapan (b) pada masa ini tiada cadangan memindahkan operasi pesawat ringan, light aircraft, dengan izin, dari Lapangan-terbang Antarabangaa Subang ke tempat lain.

Bagi jawapan (c), untuk makluman Yang Berhormat, pergerakan pesawat ringan di Lapanganterbang Subang adalah negligible, dengan izin. Di masa yang sama dengan siapnya projek pemanjangan landasan serta kerja-kerja yang berkaitan pada akhir bulan ini, keupayaan lapanganterbang ini menampung pendaratan pesawat akan dapat dipertingkatkan dari 23 pergerakan sejam kepada 28 hingga 30 pergerakan sejam. Selain daripada itu pengubahsuaian kepada jadual penerbangan juga dapat dibuat di mana pesawat-pesawat ringan ini boleh menjalankan operasi penerbangan semasa "non-peak hours" supaya tidak mengganggu operasi penerbangan komersial yang berjadual.

PELAJAR DIGANTUNG SEKOLAH

8, Puan Hajjah Roanah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah bilangan pelajar-pelajar yang "digantung sekolah" sejak bulan Januari hingga Jun 1989. Apakah jenis-jenis kesalahan yang dilakukan. Adakah kes-kes jenayah juga terdapat di antara kesalahan tersebut. Berapa ramaikah pelajar yang dihantar ke "sekolah khas" dalam tahun ini.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar-pelajar yang digantung sekolah dan bilangan yang dihantar ke sekolah khas dari Januari hingga Jun 1989 belum lagi dapat dinyatakan kerana pihak sekolah hanya memberikati maklumat tersebut sekali sahaja dalam setahun iaitu pada akhir penggal ketiga persekolahan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1988 bilangan pelajar yang digantung sekolah - ialati 3,093 orang. Di antaranya termasuk juga kes-kes jenayah seperti mencuri, menganggotai kumpulan haram, peras ugut, penyalahgunaan dadah dan lain-lain.

Pelajar-pelajar yang dihantar ke sekolah khas adalah diperintah oleh Mahkamah Juvenil dan diselaraskan oleh Bahagian Akhlak, Kementerian Kebajikan Masyarakat. Walaupun umur pelajar-pelajar di sekolah-sekolah ini adalah di antara 10-18 tahun, tidak dapat dipastikan sama ada mereka ini datang secara terus dari sekolah ataupun mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang sudah lama berhenti sekolah. Yang perlu ditekankan pada kesempatan ini ialah Kementerian Pendidikan telah mengambil keputusan untuk memperketatkan disiplin dan akan mengambil tindakan tegas bagi mengelakkan keruntuhan akhlak dan kelonggaran disiplin berlaku seterusnya.

PERKHIDMATAN KONTENA - KADAR YANG TINGGI

9. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar bayaran "haulage" perkhidmatan kontena masih dianggap tinggi oleh pelabur-pelabur, misalnya kadar bayaran khidmat kontena 40 kaki dari Melaka ke Port Klang ialah \$1,470.00. Jika sedar apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perusahaan Awam [Dato Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar adanya anggapan dan sungutan mengenai kadar tambang kontena yang tinggi.

Untuk mengetahui kedudukan operasi kontena, Kerajaan telah bersetuju melantik satu Pakar Perunding untuk mengkaji keadaan keseluruhan operasi perusahaan ini. Kajian ini akan dilaksanakan di bawah pengawasan Kementerian. Pengangkutan dan akan bermula tidak lama lagi.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN

10. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang telah tercapai untuk membantu usahawan Bumiputera melalui Tabung Pemulihan Usahawan. Berapakah bilangan usahawan Bumiputera yang telah menikmati bantuan ini dan berapa banyakkah jumlah wang bantuan yang terlibat. Adakah Kerajaan berpuashati dengan kemajuan setakat ini. Kalau tidak, apakah masalah-masalahnya dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan. Yang Berhormat telahpun dijawab pada 5hb Julai 1989 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

NISBAH MURID DAN KELAS

11. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pendidikan menyatakan nisbah murid dalam sebuah bilik kelas yang dapat memberikan hasil yang paling memuaskan dalam pendidikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan sejauh manakah sekolah-sekolah dapat mengamalkan nisbah yang sesuai itu.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan, nisbah guru kelas telah diperbaiki daripada 1:2 kepada 1:5. Sementara itu bilangan maksimum murid bagi sebuah kelas dicadangkan berjumlah 35 orang.

Cadangan ini dilaksanakan di kebanyakan sekolah-sekolah di kawasan pendalaman di luar bandar kerana jumlah pelajar dianggap kecil tetapi di bandar, cadangan ini belum dapat dijalankan sepenuhnya kerana pertambahan pelajar begitu cepat dan oleh yang demikian, kita dapati ada masalah kekurangan bilik darjah. Kementerian Pendidikan telah meningkatkan usaha membangunkan bilik-bilik darjah terutamanya di beberapa tahun kebelakangan ini di mana peruntukan didapati lebih daripada peruntukan biasa.

SUKAN SEA

12. Tuan K. Sivalingam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memastikan Malaysia mencapai kemenangan yang cemerlang di Sukan SEA yang akan diadakan di tanahair kita.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan Malaysia mencapai kemenangan yang cemerlang di Sukan SEA yang akan datang diadakan di Kuala Lumpur nanti ialah:-

Mewujudkan Latihan Persediaan ke arah Sukan SEA yang bertujuan menyediakan satu pasukan kebangsaan yang berkewibawaan bagi menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur, Program Latihan Dua (2) tahun ini memperuntukkan sebanyak \$3.7 juta bagi membiayai aktiviti-aktiviti seperti berikut:-

- (i) Latihan pusat;
- (ii) Pertandingan luar negeri;
- (iii) Pendedahan;
- (iv) Elaun jurulatih; dan
- (v) Peralatan dan kemudahan.

Program latihan ini merangkumi 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan di dalam Sukan SEA ke XV di Kuala Lumpur kelak. Pihak Kementerian melalui MSN iaitu Majlis Sukan Negara sentiasa mengadakan perbincangan-perbincangan dengan semua Persatuan Sukan Kebangsaan bagi mendapatkan cadangan-cadangan balas dan hasil dari perbincangan tersebut. Program latihan ini telah disemak semula dan peruntukan kewangan yang baru telah diluluskan bagi memantapkan lagi program latihan untuk tahun 1989.

Mewujudkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan untuk atlet-atlit, jurulatih dan pegawai-pegawai sukan bagi memudahkan mereka yang terlibat menjalani latihan sepenuhmasa bagi persediaan menghadapi Sukan SEA.

Mengadakan Kem Latihan Nasional selama satu bulan menjelang Sukan SEA untuk tujuan mempertingkatkan disiplin dan meuanamkan semangat cintakan negara serta membina kekuatan fizikal dan mental atlet-atlit. Di samping itu, ia juga dapat merapatkan silaturahmi dan perasaan muhibbah antara satu sama lain.

Menyediakan seorang pakar dalam bidang psikologi dari Kanada untuk mengadakan beberapa klinik mental kepada atlet-atlit dan jurulatih-jurulatih yang dikenalpasti sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA.

Juga mewujudkan pusat-pusat cemerlang di semua negeri bagi sukan-sukan yang perlu untuk memudahkan atlet-atlit menjalani latihan sepanjang masa, dan

Mengadakan latihan luar negeri seperti di Perth untuk sukan olahraga, di Korea untuk lawan pedang dan taekwando, di Thailand untuk tinju, di Indonesia untuk angkat berat dan memanah dan di China untuk bola keranjang.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bagaimana perkembangan kes aduan pelumba basikal wanita Sukan SEA terhadap jurulatih yang berkelakuan kurang sopan?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, ini ada sedikit berkaitan tetapi kalau hendak cerita di sini, saya rasa ceritanya panjang sungguh. Oleh itu, saya minta notislah.

PERLINDUNGAN KEPADA PEKERJA

13. Dr. Tan Chong Keng minta Menteri Buruh menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk melindungi pekerja-pekerja daripada eksploitasi sebahagian majikan yang enggan membayar gaji yang mencukupi, membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, memberi hari cuti dan faedah perubatan yang munasabah. Dalam kaitan ini, adakah Kementeriannya bercadang menetapkan gaji minima yang munasabah bagi setiap kerja atau profesion.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Buruh dari masa ke semasa membuat lawatan pemeriksaan ke tempat-tempat pekerjaan di seluruh negara untuk memastikan majikan-majikan mematuhi undang-undang buruh yang memberi perlindungan kepada kaum pekerja. Tindakan yang sewajarnya diambil terhadap majikan-majikan yang didapati tidak mematuhi undang-undang. Tindakan ini termasuklah memberi nasihat amaran atau pendakwaan, bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Mengenai bayaran gaji yang mencukupi, soal ini perlu diselesaikan secara rundingan di antara pihak pekerja dan majikan itu sendiri.

Kerajaan belum ada cadangan untuk menetapkan kadar gaji minima bagi setiap jenis pekerjaan, tetapi menggalakkan penetapan gaji melalui perundingan di antara pihak pekerja dan pihak majikan.

Walau bagaimanapun, bagi sektor-sektor industri tertentu, yang tidak diwakili secukupnya oleh kesatuan sekerja, atau yang tidak mempunyai jentera perundingan bersama yang berkesan, maka Kerajaan telah menyediakan satu jentera dikenali sebagai 'Wages Council', di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk menetapkan gaji minima bagi para pekerja berkenaan. Setakat ini 5 buah Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan di bawah Akta ini. Golongan-golongan pekerja yang berkenaan adalah seperti:-

- (i) Pembantu-pembantu kedai di Semenanjung Malaysia;
- (ii) Pembantu-pembantu kedai di Sarawak;
- (iii) Pekerja-pekerja hotel dan perhidangan;
- (iv) Pekerja-pekerja pawagam, dan
- (v) Pekerja-pekerja pemungkah kapal yang mengendalikan muatan kapal di Pulau Pinang.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Buruh sedar bahawa ada setengah-setengah majikan yang telah tolakkan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja daripada pekerja-pekerja dan tidak menyumbangkan bayaran kepada KWSP. Tidakkah Kementerian Buruh bercadang memperketatkan lagi undang-undang ini dengan mengambil tindakan yang lebih keras atau lebih berat terhadap majikan-majikan yang tidak mematuhi KWSP dengan menolak atau memotong gaji daripada pekerja-pekerja dan tidak menyumbangkan kepada KWSP.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya KWSP bukanlah di bawah bidang Kementerian Buruh.

KELAS P.O.L. (BAHASA TAMIL)

14. **Tuan C. Krishnon** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah sekolah-sekolah yang mengendalikan kelas-kelas POL (Bahasa Tamil) di waktu persekolahan biasa dan berapa banyak sekolah yang tidak mematuhi syarat-syarat ini dan kenapa.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan sekolah menengah yang mengendalikan kelas Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan biasa ialah 124.
- (b) Sebanyak 257 buah pula mengadakan kelas-kelas,di luar waktu persekolahan biasa. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana beberapa faktor di antara lain:
 - (i) masalah bilik darjah.
 - (ii) kekurangan guru yang berkelayakan bahasa Tamil, menyebabkan mereka terpaksa diambil atau dipinjamkan dari sekolah-sekolah lain. Dengan yang demikian pengajaran bahasa Tamil hanya boleh dijalankan mengikut masa lapangan guru-guru tersebut
 - (iii) kekurangan pelajar yang mengikuti bahasa Tamil di sesuatu tingkatan menyebabkan

sesebuah kelas bahasa Tamil itu mengandungi pelajar daripada beberapa tingkatan. Oleh kerana itu adalah sukar untuk memasukkan matapelajaran tersebut di dalam waktu persekolahan biasa. Walau bagaimanapun dengan diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah selain dari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, bahasa China dan bahasa Tamil telahpun mulai tahun ini dimasukkan dalam waktu persekolahan biasa. Di samping itu ada usaha untuk melatih lebih kurang 400 guru-guru dalam bahasa Tamil untuk melayakkan mereka menjadi guru-guru bahasa Tamil yang berkelayakan.

SISWAZAH YANG TAMAT DARI UNIVERSITI

15. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelajar yang keluar dari Universiti tahun ini dan yang tamat dari Kolej-kolej yang dianjurkan oleh Kerajaan dan swasta; dan
- (b) adakah didaftarkan di Kementerian mengenai kemasukan pelajar-pelajar di kolej-kolej swasta dalam satu-satu jurusan dan adakah Kementerian sedar penubuhan jurusan-jurusan pelajaran di kolej-kolej swasta.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) bagi sesi akademik 1987/1988, seramai 9,504 orang pelajar di peringkat Ijazah Pertama telah keluar daripada universiti-universiti tempatan dan kolej-kolej yang dianjurkan oleh Kerajaan, Bagi sesi akademik 1989/1990, bilangan yang tamat sedang diproses oleh pihak universiti. Dari kolej-kolej swasta pula, seramai 713 pelajar telah menamatkan pengajian mereka di peringkat awal dalam negeri dan, telah atau dijangka keluar negeri untuk melanjutkan pengajian pada tahun 1989. Bagi kursus Ijazah External University, London, dengan izin, seramai 118 orang calon telah menduduki peperiksaan LLB peringkat akhir dan 2 calon lagi bagi peperiksaan B.Sc. (Econs) peringkat akhir pada tahun 1988. Peperiksaan bagi kursus-kursus ini untuk tahun 1989 sedang dijalankan.
- (ii) Kementerian Pendidikan tidak mendaftar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang dijalankan di kolej-kolej swasta. Pendaftaran tersebut dilakukan oleh pihak kolej-kolej tersebut. Walau bagaimanapun kolej-kolej swasta hanya dibenarkan untuk menjalankan kursus-kursus yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan sahaja. Sebarang penambahan kursus hanya dapat dilakukan setelah kelulusan daripada Kementerian diperolehi.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu. saya minta maaf, saya tidak hendak bertanya tentang subjek di hadapan kita ini, tetapi oleh kerana di hadapan kita ada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan hari ini adalah sesi kita yang akhir, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi kenyataan berkenaan dengan insiden Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubur kelmarin.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kebetulan pegawai-pegawai tinggi Kementerian Pendidikan akan hanya mengadakan perjumpaan untuk meneliti laporan yang diperolehi dari pihak Jabatan Pendidikan Kelantan dan pihak polis pada jam 3.30 petang ini. Oleh yang demikian kita kena bersabar dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, saya telahpun memberikan penjelasan bahawa perkara yang seperti itu tidak boleh dipandang ringan dan sekiranya didapati guru berkenaan telah menjalankan tanggungjawab telah menghadapi masalah, oleh kerana tindakan dari ibubapa atau orang-orang lain dari luar sekolah, Kementerian telahpun mengambil keputusan untuk mempertahankan guru tersebut dan berjanji untuk mengambil tindakan tegas dan membantu guru tersebut supaya mendapat pembelaan yang sewajarnya.

LESEN MEMANDU - SISTEM BARU

16. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan tidakkah Kementerian sedar adanya kesukaran kepada pemandu-pemandu dengan lesen memandu yang dikeluarkan sekarang di mana mereka terpaksa membawa 2 kad yang menunjukkan satu lesen memandu dan satu lagi tarikh lesen itu sah digunakan, tidakkah boleh tarikh sah lesen itu diterakan pada lesen pemandu dan mudah dibawa ke mana-mana.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya sistem baru pengeluaran lesen memandu adalah diterima dengan baik oleh orang ramai kerana lesen dapat dikeluarkan dalam tempoh yang singkat iaitu pada hari yang sama. Aduan yang diterima adalah hanya mengenai mutu lesen sahaja dan bukan mengenai sama ada orang ramai terpaksa membawa dua kad. Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengambil tindakan terhadap sungutan orang ramai mengenai mutu lesen dengan kerjasama Jabatan Percetakan Negara.

Tiap-tiap lesen memandu yang sah mesti ada gambar pemegangnya. Proses pembaharuan lesen memandu yang diamalkan sekarang memerlukan satu kad baru dikeluarkan. Jika pemegang lesen mengemukakan gambar semasa membaharui lesennya, gambar itu akan dimasukkan dalam kad baru dan tidaklah perlu bagi beliau membawa dua kad, iaitu membawa juga kad lama dan dengan kad yang baru. Tetapi sekiranya pemegang lesen tidak mengemukakan gambar, beliau dikehendakilah membawa dua kad, iaitu kad lama yang mempunyai gambar dan kad baru yang tidak bergambar, tetapi mempunyai tarikh sah laku lesen **itu**.

Mengenai tarikh sah lesen memandu ianya tidak boleh diendorse pada lesen memandu berlapis, kerana tindakan tersebut akan memusnahkan lesen tersebut. Jabatan Pengangkutan Jalan telah menggunakan pelekat pembaharuan untuk endorse tarikh baru pada lesen memandu berlapis tetapi amalan tersebut terpaksa diberhentikan pada bulan November 1988 iaitu untuk mengatasi masalah pemalsuan pelekat pembaharuan tersebut.

FELDA - PENEROKA RANCANGAN

17. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bagaimanakah dasar Kerajaan kepada peneroka-peneroka yang telah berjaya mendudukinya;
- (b) adakah boleh mereka mengecam Dasar Kerajaan sama ada secara bebas atau sebaliknya;
- (c) adakah Kerajaan mengeluarkan satu garis panduan bagi mereka;
- (d) apakah tindakan Kerajaan jika mereka melanggar hukuman atau mengecam dasar-dasar Kerajaan; dan
- (e) berapakah angka-angka Kerajaan membuka Ladang Baru, jika ada di mana tempatnya mengikut anggaran negeri dan tahunnya sekali.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini agak komprehensif iaitu (a) sampai (e) tetapi untuk makluman dalam bahagian (e) Yang Berhormat telah bertanya tentang ladang baru dan saya sampaikannya untuk tahun 1989/1990 sahaja. Jawapan untuk soalan:

- (a) Peneroka-peneroka yang ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA adalah tertakluk kepada Land Act iaitu Group Settlement Act (GSA) 1960. Di bawah Akta ini, peneroka-peneroka dikehendaki mengerjakan kawasan rancangan mengikut peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh FELDA dari satu masa ke satu masa. Peneroka juga dikehendaki berkelakuan baik dan bertindak seiring dengan usaha-usaha pembangunan kawasan rancangan. Berasaskan Akta ini juga,

peneroka diminta menandatangani satu perjanjian dengan FELDA di mana peneroka dikehendaki menjalankan kerja-kerja ladang dan pembangunan masyarakat selaras dengan matlamat PELDA dan Kerajaan.

- (b) Peneroka FELDA adalah juga warganegara Malaysia, dan oleh itu, mereka tertakluk kepada peraturan dan undang-undang negara sepertimana yang dikenakan kepada rakyat Malaysia yang lain juga. Bagi peneroka-peneroka yang bertindak memecahbelahkan masyarakat dan menghalang pembangunan, mereka boleh diambil tindakan di bawah Akta GSA. Garisan-garisan tindakan yang biasa diambil termasuk memerikan surat amaran tetapi jika perkara ini serius, ianya dibawa kepada Jawatan-kuasa Tatatertib yang boleh membawa kepada penyingkiran peneroka.
- (c) Melalui pentadbiran FELDA, Kerajaan mengeluarkan beberapa panduan bagi memastikan peneroka tidak melanggar Akta GSA itu. Panduan-panduan ini termasuk mengenai usaha-usaha pembangunan kawasan ladang dan pembangunan masyarakat.
- (d) Peneroka-peneroka yang melanggar undang-undang jenayah akan diambil tindakan berasaskan kanun jenayah. Di bawah Akta GSA, jika seseorang peneroka dipenjarakan kerana kesalahan jenayah, mereka ini akan diambil tindakan untuk disingkirkan daripada menyertai rancangan-rancangan FELDA.

Bagi kesalahan-kesalahan yang menjejaskan pembangunan masyarakat peneroka, peneroka-peneroka diberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan supaya mereka terus dapat memberikan sumbangan yang positif kepada pembangunan rancangan dan negara.

- (e) Setakat ini, FELDA telah memajukan kawasan tanah seluas 828,453 hektar. Matlamat pembangunan tanah baru yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) ialah 35,100 hektar setahun. Bagi tahun pembangunan 1989 dan 1990, FELDA merancang untuk memajukan kawasan baru seluas 73,637 hektar. Keluasan rancangan pembangunan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	1989	1990
	Keluasan (ha)	Keluasan (ha)
Johor	861	3,139
Kedah	282	-
Kelantan	3,579	5,472
Pahang	9,677	15,899
Perak	1,505	2,742
Terengganu	2,003	405
Selangor	-	315
Sabah	18,060	6,957
Sarawak	1,018	1,773

Jumlah bagi 1989 dan 1990 ialah 73,687.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini telah dijawab pada 6hb Julai, 1989 di Dewan ini.

[Soalan No. 18. Sila lihat jawapan pada 6.7.89]

DAFTAR PEMILIH

19. **Tuan V.K. Sellapan** minta Perdana Menteri menyatakan daripada jumlah pengundi-pengundi yang telah berdaftar di sesuatu kawasan, didapati bahawa lebih kurang 15% daripada pengundi-pengundi tersebut tidak dapat mengundi pada waktu pilihanraya di kawasan yang tertentu. Mungkin mereka berdaftar di kawasan lain atau meninggal dunia atau pindah ke kawasan lain:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengemaskini nama pengundi-pengundi di dalam senarai daftar pengundi. Di kebanyakan negara lain, rakyat yang berumur 18 tahun ke atas layak mengundi; dan
- (b) adakah sebarang cadangan untuk menukarkan syarat umur pengundi dari 21 tahun ke 18 tahun di negara kita.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa mengambil tindakan untuk mengemaskinkan daftar pemilih, Tindakan-tindakan diambil bagi mengeluarkan nama pemilih yang telah meninggal dunia atau hilang kelayakan dan urusan ini sedang berjalan dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara.

- (b) Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan had kelayakan umur untuk menjadi pemilih dari 21 tahun kepada 13 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 20. Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab soalan ini, saya ingin menyatakan bahawa soalan ini adalah berkaitan dengan Kementerian Buruh. Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri Buruh menjawab.

PEKERJA ASING

20. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah pekerja asing telah diberi permit bekerja di Malaysia. Bidang. apakah yang diceburi oleh mereka. Adakah mereka telah merampas peluang pekerjaan rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada mulanya soalan ini telah ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri dan mungkin Yang Berhormat yang berkenaan terlewat untuk 'channeling', dengan izin, kepada Kementerian Buruh, jadi saya terpaksa jawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja asing yang sedang bekerja di Semenanjung pada 31.5.1989 atas Pas Lawatan (Kerja Sementara) adalah seramai 10,269 orang. Mereka dibenarkan bekerja hanya di sektor perladang dan sebagai pembantu rumah sahaja.

Kehadiran mereka untuk bekerja di negara ini telah tidak menjejaskan peluang pekerjaan rakyat Malaysia. Kebenaran ini diberi kerana kurangnya rakyat negara ini yang sanggup bekerja di sektor-sektor tersebut.

PENYELEWENGAN DALAM KESATUAN PEKERJA NUPW/TWU

21. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat krisis dan penyelewengan di NUPW dan TWU. Jika ia, adakah sebarang langkah telah diambil oleh Kerajaan terhadap NUPW dan TWU.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang sama telahpun diberi jawapan di Dewan ini pada 5hb Julai, 1989 yang baru lalu semasa menjawab pertanyaan, Yang Berhormat sendiri dan saya tiada apa-apa perkara untuk ditambah lagi. Mengenai dakwaan penyelewengan dalam Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan (TWU) Kementerian Buruh tidak pernah menerima sebarang aduan berkaitan dengannya.

PENDAFTARAN PEMILIH SEPANJANG TAHUN

22. **Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Suruhanjaya Pilihanraya bercadang akan mengadakan pendaftaran pengundi sepanjang tahun setelah Suruhanjaya Pilihanraya menyedari bahawa perlu berbuat demikian.

38. **Tuan V.K. Sellappan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Pesuruhjaya Pilihanraya mempunyai cadangan untuk mendaftarkan pengundi sepanjang tahun; dan
- (b) berikan jumlah peratus pengundi yang mendaftar dalam sesuatu kawasan Pilihanraya Parlimen, mengikut pecahan bilangan kaum.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 38 dari Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan.

Jawapannya ialah cadangan untuk mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun masih dalam kajian Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak menyediakan perangkaan dan maklumat pemilih mengikut pecahan kaum.

KENAIKAN HARGA BARANG

23. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang yang tidak terkawal yang mengakibatkan rakyat miskin menderita. Contohnya, harga sekilogram tepung naik 10 sen. Tetapi harga sebutir roti naik 20 sen - 30 sen. Harga serbuk kopi dan gula pasir tidak naik, tetapi secawan kopi-o telah naik 10 sen.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Jawapan bagi soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhonnat Tuan Foo Boon Liang pada 6hb Julai, 1989. Oleh itu saya tidak akan mengulanginya lagi.

PERSIDANGAN CHOGM DI MALAYSIA

24. **Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usul-usul yang akan dibawa oleh Malaysia ke Persidangan CHOGM yang akan datang ini dan adakah semua perbelanjaan CHOGM itu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agenda Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) sedang dirundingkan sekarang di tana Setiausaha Agong Komanwel telah mengutus surat kepada semua Ketua-ketua Kerajaan untuk mendapatkan pendapat mereka. Setiausaha Agong Komanwel akan datang ke Malayaia pada awal bulan Ogos ini untuk berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai agenda tersebut sebelum ianya diputuskan. Keputusan akan hanya dibuat selepas pertemuan itu tetapi bolehlah saya katakan perbincangan di mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan, akan merangkumi isu-isu politik seperti Afrika Selatan dan Apartheid, kerjasama sosial dan teknikal Komanwel dan isu-isu antarabangsa mengenai keselamatan dan keamanan.

Berhubung dengan perbelanjaan, tidak semua perbelanjaan mengendalikan CHOGM itu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Kerajaan hanya menyediakan kemudahan-kemudahan mesyuarat, pengangkutan dan

memberikan layanan taraf tetamu negara kepada lima orang anggota delegasi tiap-tiap negara yang hadir termasuklah Ketua-ketua Kerajaan dan isteri. Perbelanjaan selebihnya ditanggung oleh negara-negara yang menyertai persidangan itu dan juga oleh Urusetia Komanwel di London.

PULAU BATU PUTIH

25. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah langkah-langkah telah diambil bagi menentukan supaya Pulau Batu Puteh di perairan Johor tetap berada di bawah Kerajaan Malaysia.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan-laporan yang diterima oleh Kementerian Luar Negeri, pihak Angkatan Tentera Laut Singapura tidak mengancam nelayan Malaysia yang menangkap ikan di perairan Pulau Batu Putih walaupun terdapat kejadian-kejadian di mana nelayan-nelayan Malaysia pernah diusir dari kawasan tersebut. Walaupun demikian, agensi-agensi penguatkuasa Malaysia seperti Polis Marin dan Tentera Laut sering mengadakan rondaan di kawasan-kawasan itu untuk melindungi nelayan Malaysia dari sebarang ancaman yang mungkin berlaku. Kementerian Luar Negeri berpendapat rondaan-rondaan yang dijalankan sekarang adalah memadai untuk menjamin keselamatan nelayan Malaysia di kawasan tersebut.

Tuan yang di-Pertua, Pulau Batu Putih adalah kepunyaan Malaysia dan Kerajaan menolak apa-apa tuntutan ke atasnya oleh mana-mana negara sekalipun. Tindakan-tindakan Kerajaan seterusnya adalah berdasarkan kepada prinsip itu.

Tuan Haji Ibrahim bid Jendol: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah atau tidak lagi pulau-pulau di dalam perairan kita yang dituntut oleh negara-negara asing, sepertimana yang dibuat kepada Pulau Batu Puteh? Kalau ada, apakah nama pulau-pulau itu dan negeri mana yang menuntutnya.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pulau-pulau di Kepulauan Spratly merupakan suatu kepulauan yang banyak dituntut oleh negara-negara lain seperti negara Vietnam, Malaysia, Philippines dan China sedang menuntut hak-hak mereka ke atas kepulauan di kumpulan Kepulauan Spratly dan perkara ini masih lagi dalam keadaan perbincangan di antara negara-negara yang menuntut kepulauan tersebut.

LESEN TEKSI/KERETA SEWA - PERMOHONAN

26. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berdasarkan kriteria apakah yang digunakan untuk meluluskan sebarang permohonan permit teksi. Berapa jumlah permit teksi akan diluluskan selepas permohonan tersebut dibuka semula.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria yang digunakan untuk menimbang sesuatu permohonan lesen teksi atau kereta sewa ialah:

- (i) Mempunyai lesen PSV seperti berikut:
 - (a) Minima 1 tahun bagi bekas tentera dan bekas pemandu Kerajaan.
 - (b) Minima 3 tahun bagi permohonan-permohonan yang lain.
- (ii) Umur tidak melebihi 55 tahun.
- (iii) Ada keperluan perkhidmatan di kawasan yang berkenaan.
- (iv) Mempunyai bukti modal yang mencukupi untuk membiayai wang pendahuluan/cagaran bagi membeli kenderaan.

Bagi kawasan Wilayah Persekutuan, Shah Alam dan Petaling Jaya, jumlah lesen teksi yang boleh diluluskan ialah lebih kurang 2,000 lesen. Bagi kawasan-kawasan lain yang terlibat dengan penarikan balik pembekuan lesen teksi atau kereta sewa iaitu Perlis, Melaka dan Johor Bahru, jumlah lesen baru yang boleh dikeluarkan tidak melebihi 300 lesen.

Tuan Tan Chai Ho Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa seorang pemandu teksi yang mempunyai pengalaman 15 tahun tetapi tidak berjaya mendapat permit teksi dan orang yang mempunyai pengalaman kurang dari 10 tahun pengalaman memandu teksi, tetapi berjaya mendapat permit teksi, Saya minta Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada kes-kes yang khusus, silalah rujuk kepada saya, insya Allah saya akan tengokkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Nordin bin Selat.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 27.

PENAGIH DADAH - RAWATAN

27. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Dalam Negeri memberitahu tentang bilangan penagih-penagih dadah yang berjaya dipulihkan tiap-tiap tahun sejak tahun 1980. Berapa ramai yang kembali menagih. Tolong nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan penagih-penagih itu kembali menagih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 44,586 orang penagih dadah telah mengikuti program rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Kebajikan Masyarakat dari tahun 1980 sehingga penghujung bulan April, 1989. Pecahannya mengikut tahun ialah:-

Tahun	Bilangan Penagih
1980	2,565 orang
1981	2,766 "
1982	3,087 "
1983	4,225 "
1984	4,301 "
1985	5,745 "
1986	5,036 "
1987	6,486 "
1988	7,748 "
1989 (Hingga akhir bulan April)	2,099 "

Kadar kejayaan bagi mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan ialah 36.5%. Kadar kembali menagih dadah bagi mereka yang telah menjalani rawatan dan pemulihan ialah 39.6%.

Faktor-faktor yang menyebabkan penagihan semula ialah kurang penerimaan bekas penagih oleh masyarakat, kurang merapatkan diri dengan ajaran agama, kurang mengadakan peluang pekerjaan dan pengaruh kawan-kawan lama yang masih menagih dan lain-lain sebab sosial.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 46 adalah

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAW
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN****3.33 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari **ini**, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Haji Hussein bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujukan:

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertitnbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN KHAS)(PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [11 hb Julai,1989]

Tuan Yang di-Pertua: Ada antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Ibrahim.

3.37 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut sama dalam membahaskan suatu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana dengan tegas dan beraninya sanggup membuat pindaan ke atas Rang Undang-undang ini. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar mempunyai rasa tanggungjawab bahawa langkah-langkah yang lebih berkesan harus diambil dalam membanteras bahaya dadah yang boleh mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap soal dadah, ianya mungkin merupakan satu topik dan tajok yang kadangkalanya agak membosankan, dan saya tidak mahu bercakap dengan panjang lebar dalam

hal ini dan ini ialah disebabkan semua orang sudah tahu kecuali se-gelintir sahaja tentang bahaya dan akibat buruknya. Setiap hari orang bercakap, setiap hari kita mendengar ada tangkapan dan di mass media setiap masa menunjukkan berita-berita dadah. di Telivisyen umpamanya, saban masa ditayangkan iklan tentang bahaya dadah dan kita tahu PEMADAM tidak jemu mengadakan program-programnya, mengadakan konvensi PEMADAM di setiap negeri dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri selaku Pengerusi PEMADAM Kebangsaan.

Begitu juga usaha pihak Biro Narkotik yang sentiaaa melancarkan tangkapan demi tangkapan dan ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar bersungguh-sungguh berusaha sedaya upaya untuk membasmi penyalahgunaan dadah ini di kalangan anak-anak muda kita pada hari ini. Walau pun kesannya ada, tetapi ianya masih lagi bagi saya tahap bahaya dadah ini berada ditahap yang membimbangkan. Walaupun mungkin Yang Berhormat Menteri tidak bersetuju dan mungkin juga orang ramai tidak setuju tentang perangkaan mereka yang sudah terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini. Sebagaimana yang kita tahu bahawa Kerajaan menganggarkan seramai lebih kurang 110,000 penagih dadah yang sudah dikenalpasti hasil dari tangkapan yang dibuat setakat hari ini. Angka ini merupakan angka yang telah dikenalpasti tetapi betapa halnya angka yang masih belum dikenalpasti lagi, masih ramai lagi anak-anak muda kita yang menagih secara senyap-senyap tanpa diketahui oleh ibu bapa mereka.

Saya ingin memberikan contoh daripada beberapa buah kampung yang telah dijalankan kajian di negeri Melaka baru-baru ini. Di sebuah kampung itu terdapat lebih kurang 60 orang ahli belia ataupun anak-anak muda yang berada di kampung itu. Setelah kita siasat dan kita tanya daripada mereka yang terlibat dengan cara-cara yang tertentu kita dapati bahawa yang kita tahu selama ini yang dikenalpasti oleh pihak polis ialah seramai 5 orang, tetapi setelah kita membuat siasatan bertanyakan kepada mereka yang terlibat ini kita rasa terperanjat kerana yang sudah terlibat dalam penagihan dadah ini dalam kampung itu berjumlah lebih kurang 40 orang. Ini suatu angka yang saya rasa amat besar. Begitu juga dengan sebuah kampung lain, pada mulanya kita jangkakan 2 orang sahaja yang terlibat, tetapi setelah kita mengadakan tindakan untuk menyiasat dan mengkaji, kita dapati bahawa mereka yang telah terlibat ialah seramai lebih kurang 20 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa angka yang diberikan oleh pihak Kerajaan pada hari ini boleh kita gandakan sebanyak 7 kali. Ini bermakna sudah ada lebih kurang tiga-suku juta anak-anak muda kita telah terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Angka ini mungkin bertambah lagi pada masa ini dengan keadaan masalah pengangguran yang sedang kita hadapi.

Kita sedia maklum bahawa jenerasi muda pada hari ini adalah pewaris kepada jenerasi yang akan datang. Apa akan terjadi kepada negara ini pada masa yang akan datang sekiranya ramai di antara anak-anak muda kita yang lemah, yang tidak bermaya. Saya tidak mahu banyak menceritakan tentang kesan bahaya dadah ini kepada mereka

yang sudah terlibat kerana saya percaya semua orang sudah tahu. Kita tahu ada penyelidikan yang telah dijalankan menyatakan bahawa mereka yang telah terlibat kesannya bukan sahaja kepada penagih itu sendiri bahkan kesannya akan sampai kepada zuriat mereka ini turun-temurun.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh salahkan anak-anak muda kita ini 100%. Yang harus dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan ialah pengedar-pengedar yang bermaharajalela, mereka ini harus kita kutuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ceritakan semua ini semata-mata untuk memberi gambaran bahawa masalah bahaya dadah ini adalah masalah besar yang boleh, mengancam keselamatan negara. Saya harap pihak yang menentang dan kita tahu ada pihak yang menentang pindaan ini benar-benar sedar apa yang sebenarnya berlaku tentang bahaya dadah ini yang boleh mengancam keselamatan negara.

Oleh hal yang demikian, saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang Pindaan ini amatlah perlu supaya mereka yang terlibat yang tidak bertanggungjawab, khususnya pengedar-pengedar dadah ini akan rasa lebih takut dan gentar dan mudah-mudahan dengan adanya pindaan ini penyalahgunaan dadah yang mengancam keselamatan negara dapat dibanteras dengan lebih berkesan lagi.

Kita sedar bahawa ada pihak yang tertentu yang menentang pindaan ini kerana kononnya pihak eksekutif cuba untuk menafikan kuasa kehakiman dan menuduh Kerajaan mengamalkan sikap kuku besi dan tidak demokratik. Tetapi harus diingat bahawa apa akan terjadi jika seorang pengedar setelah ditahan dan buktinya telah jelas menunjukkan bahawa ianya seorang pengedar, kemudian dibawa ke mahkamah dan mahkamah kemudiannya mungkin disebabkan dibantu oleh

peguambela yang digunakan oleh pengedar ini agaknya lebih bijak, maka pengedar tadi dilepaskan. Kita sedar bahawa pengedar ini terus bebas untuk membekalkan dadah kepada anak-anak muda kita dan sudah tentu lebih ramai lagi anak-anak muda kita yang akan terlibat.

Saya ingin menasihatkan kepada mereka yang menentang pindaan ini supaya jangan terlalu mengikut emosi dan perasaan. Memang sudah menjadi tabiat manusia selalu mengikut emosi dan perasaan. Kita tahu yang tidak setuju dengan pindaan ini juga dan juga pindaan Rang Undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga Undang-undang Darurat yang dibahaskan semalam adalah terdiri daripada peguam-peguara, tetapi saya percaya tidaklah semua peguam-peguam yang bersikap demikian, khususnya peguam-peguam yang ada di Dewan yang mulia ini, kecualilah peguam yang bercakap semalam.

Kalau kita ambil contoh sebagai seorang guru, kita akan tentu sayang, kasih dan rasa taksub kepada profession kita dan tentunya kita mempunyai minat dalam pendidikan dan kita akan terus mempertahankan apa sahaja dasar yang telah kita persetujuan. Begitu juga kalau kita seorang pencuri sudah tentu dianya taksub kepada bidang tersebut walaupun dia tahu kerja itu satu kerja yang terkutuk. Begitulah halnya dengan setengah-setengah peguam kita, mereka terlalu mengikut emosi, kuasa kehakiman mesti dipertahankan habis-habisan dan ada setengahnya menganggap bahawa dalam pengasingan kuasa kehakiman inilah yang paling tinggi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingatkan kepada mereka supaya bertindak dengan berfikiran waras dan jangan terlalu mengikut emosi dan perasaan. Kepentingan dan keselamatan negara untuk kesejahteraan rakyat hendaklah diutamakan.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong pindaan Rang

Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Jika tidak ada, dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, dipersilakan.

3.48 ptg.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Senator Haji Hamid Araby dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Jendol yang telah berucap dan menyokong dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Bagi saya pendapat-pendapat pro dan kontra itu menandakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berminat dan ingin menyampaikan pendapat sebelum pindaan ini diluluskan.

Sepertimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Jendol bahawa statistik rasmi yang kita dapati mungkin tidak serupa dengan statistik daripada kajian yang dibuat oleh orang-ramai. Inilah satu perkara yang kadangkala pihak polis berkehendakkan kerjasama yang erat daripada orang ramai. Kita mengakui bahawa kalau seorang yang ditangkap menagih, kita pasti sekurang-kurangnya 4 atau 5 orang lagi sahabat yang terlibat. Itu sebabnya kalau negara kita hari ini dikenalpasti bahawa ada 140,000 penagih, kalau kita kali dengan 4 atau kalai dengan 5, bukan sahaja suku juta tetapi hampir-hampir setengah juta daripada rakyat kita yang telahpun termasuk dalam golongan yang telah terlibat dengan gejala dadah ini dan yang sedihnya 65% daripada penagih-penagih ini adalah golongan-golongan yang di bawah umur 29 tahun ke bawah yang merupakan rakyat yang harus mempertahankan negara, membangunkan negara dan juga menentukan ke arah mana negara kita akan dituju pada masa-masa hadapan. Dengan sebab itu, kita berharap sangat bahawa kerjasama dan 'feedback', dengan izin, daripada orangramai dengan pihak polis dapat diberi dan kerjasama ini tentu sekali akan menyenangkan lagi pihak-pihak berkuasa untuk menentukan dan mengenalpasti siapa, di mana penagih-penagih ini berada.

Sepertimana yang kita semua maklum kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini adalah satu perbuatan yang dibuat secara sengaja. Malah ada yang dirancang sebagai satu sindiket yang besar yang beroperasi di peringkat antarabangsa. Perbuatan ini seperti yang kita tahu adalah didorong oleh motif kewangan dan keuntungan; sebilangan besar pula menjadikannya sebagai satu kegiatan perniagaan. Mereka yang terlibat ini terang-terang tidak menghiraukan nasib mangsa mereka iaitu rakyat negara kita yang terdiri daripada anak-anak muda dari berbilang kaum, berbilang agama di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan telah menguatkuasakan Akta-akta tertentu untuk membanteras dan menentang kegiatan penyalahgunaan dadah dan penyeludupan dadah ini. Tetapi seperti yang saya sebutkan pada awal-awal tadi masih ada juga pihak-pihak yang berkepentingan sendiri yang sengaja mahu mencari kelemahan-kelemahan dalam Akta ini untuk menentang keputusan Menteri Dalam Negeri di dalam sidang mahkamah. Hasil dari kes-kes ini kita telah melihat beberapa kes yang berkaitan dengan Akta ini telah mendapat keputusan yang bertentangan dengan keputusan Menteri Dalam Negeri dan seterusnya subjek-subjek tertentu dibebaskan. Dalam hubungan ini walaupun dari segi prosedurnya Kerajaan telah kalah, namun Kerajaan masih berpendapat bahawa setiap perintah yang dikeluarkan

oleh Menteri Dalam Negeri itu adalah berasaskan kepada fakta-fakta dan kenyataan. Seseorang itu mungkin telah dibebaskan hasil dari keputusan mahkamah, namun mereka sebenarnya tidak lepas dari kesalahan yang telah mereka lakukan itu. Mereka masih lagi seorang penjenayah yang sungguh merbahaya. Adakah kita mahu keputusan Menteri Dalam Negeri ini diketepikan dan penjenayah-penjenayah itu dibebaskan.

Atas hasrat inilah maka pindaan ini dibuat dan harus mendapat sokongan yang penuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua; Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.55 ptg.**

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menimbang serta memberi persetujuan kepada cadangan bagi meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 (Pindaan) 1988. Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 pada mulanya dikenal sebagai Akta Pendaftaran Juruukur 1967. Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1967 dan mula berkuatkuasa pada 10 hb November, 1973. Dengan wujudnya Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang berkuatkuasa pada 4hb Februari, 1981, Akta Pendaftaran Juruukur 1967 telah dipinda menjadi Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dan mula berkuatkuasa pada 5hb Februari, 1982.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendaftaran Juruukur Bahan, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia adalah diwajibkan untuk menyelenggara suatu buku daftar Juruukur Bahan serta mengawal tata kelakuan dan kesusilaan profesion ukur bahan. Daripada pengalaman menguatkuasakan Akta ini, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia mendapati bahawa peruntukan di bawah beberapa seksyen Akta perlu diperkemas untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Di samping itu, Lembaga Pendaftaran Juruukur Bahan juga berpendapat bahawa beberapa seksyen

baru perlu diadakan untuk meliputi perkara-perkara penting yang tidak disentuh dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang.

Pindaan-pindaan kepada Akta Pendaftaran. Juruukur Bahan 1967 yang dicadangkan melibatkan pindaan kepada tajuk ringkas, tajuk panjang, 16 Seksyen dan Jadual Akta yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk ringkas dan tajuk panjang Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dipinda untuk memperuntukkan dengan lebih jelas lagi tujuan Akta dan fungsi Lembaga Juruukur Bahan yang tidak terhad kepada pendaftaran juruukur bahan sahaja. Selain daripada pendaftaran, Lembaga Juruukur Bahan juga diwajibkan mengawal tata kelakuan, kesusilaan dan lain-lain tata laku profesion ukur bahan.

Seksyen 2 Akta yang ada sekarang tidak mempunyai takrif istilah, 'bodies corporate practising as consulting Quantity Surveyors', dengan izin. Pindaan ini bertujuan memperuntukkan takrif tersebut yang mempunyai kaitan dengan pindaan kepada Seksyen 5, 6, 7A, 15 dan 25.

Seksyen 3 adalah mengenai pindaan kepada jumlah bilangan ahli-ahli Lembaga Juruukur Bahan. Ianya ditambah dari 11 ke 17 untuk membolehkan perlantikan lebih ramai lagi perwakilan pihak-pihak sektor swasta dan institusi pengajian tinggi yang berkepentingan dengan tertakluk kepada Akta ini.

Dalam Akta yang ada sekarang, tidak ada peruntukan untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan memiliki harta alih atau tak alih. Oleh itu adalah dicadangkan Seksyen 4A ditambah untuk memberi kuasa

kepada Lembaga Juruukur Bahan bagi memperolehi harta alih dan harta tak alih. Kuasa juga diberi untuk meminjam atau mendapatkan wang bagi membiayai pembelian harta. Kuasa ini adalah diperlukan supaya membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan fungsi-fungsinya dengan wajar. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ada dalam Akta Arkitek dan Akta Pendaftaran Jurutera.

Seksyen 5 adalah mengenai pindaan ke atas isi kandungan buku Daftar ke atas pembahagiannya dipinda dari dua bahagian kepada tiga Bahagian. Ia mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat dan butir-butir lain mengenai:

- (a) Juruukur Bahan Berdaftar;
- (b) Juruukur Bahan Berdaftar Sementara; dan
- (c) Firma atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding.

Segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga Juruukur Bahan dicatat dalam buku Daftar itu. Pindaan ini adalah untuk menyelaraskan seksyen tersebut dengan seksyen 7A yang memperuntukkan pendaftaran firma-firma dan pertubuhan perbadanan-perbadanan.

Seksyen 7A adalah peruntukan bagi mewajibkan setiap firma atau pertubuhan perbadanan mendapatkan suatu permit daripada Lembaga Ukur Bahan sebelum menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding. Peruntukan yang ada hanya memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan untuk membuat peraturan ke atas pertubuhan perbadanan sahaja. Ini akan membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas firma-firma atau pertubuhan dan perbadanan-perbadanan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan perunding.

Pindaan ini juga membenarkau arkitek berdaftar, jurutera berdaftar, penilai berdaftar dan juruukur tanah berdaftar menjadi Ahli Lembaga Pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding. Ini adalah untuk memperbaiki kelemahan di dalam seksyen 7A yang ada sekarang yang mensyaratkan bahawa Lembaga Pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan perunding hendaklah terdiri dari Juruukur Bahan sahaja. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ada dalam Akta Arkitek dan Akta Pendaftaran Jurutera.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 8 baru adalah peruntukan baru yang diadakan bagi memastikan hanya Juruukur Bahan yang bermastautin dan menjalankan amalan di Malaysia sahaja berhak menyedia dan mengemukakan laporan kajian kemungkinan, anggaran permulaan dan lain-lain kepada mana-mana orang, pertubuhan atau pihakberkuasa

dalam Malaysia. Ini adalah untuk memudahkan Lembaga Juruukur Bahan mengawal amalan profesion ukur bahan di Malaysia. Bagaimanapun, seksyen ini tidak melarang mana-mana arkitek, jurutera, juruukur tanah berlesen, penilai dan agen estet yang berdaftar daripada menyediakan ataupun mengemukakan laporan, anggaran dan lain-lain semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan amalan profesionnya.

Seksyen ini juga membenarkan seseorang Juruukur Bahan berdaftar untuk membuat dan mengemukakan penilaian apa-apa struktur, loji dan lain-lain semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan amalan profesionnya. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang ada dalam Akta Arkitek dan Akta Pendaftaran Jurutera.

Seksyen 10 adalah pindaan untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mengadakan peperiksaannya sendiri. Ini adalah untuk menentukan bahawa Juruukur Bahan yang berdaftar benar-benar berkeelayakan. Seksyen 15 dipinda untuk menambahkan lagi alasan-alasan mengapa pendaftaran seseorang Juruukur Bahan itu boleh dibatalkan atau digantung oleh Lembaga Pendaftaran Juruukur Bahan. Pindaan yang dicadangkan juga memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan menggantung pendaftaran mana-mana Juruukur Bahan berdaftar atau firma atau pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan perunding sementara menunggu apa-apa siasatan oleh Lembaga Juruukur Bahan selama tidak lebih dari 6 bulan. Ini adalah untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan menjalankan fungsi-fungsinya dengan lebih berkesan.

Pindaan ke atas seksyen 17 adalah bagi memperuntukkan tempoh masa di mana seorang Juruukur Bahan boleh memohon supaya pendaftarannya dimasukkan semula ke dalam buku Daftar. Ini adalah untuk memperbaiki kelemahan dalam peruntukan yang sedia ada yang tidak menyentuh had tempoh masa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 24A adalah pindaan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Juruukur Bahan bagi mengenakan sekatan-sekatan ke atas pengambilan kerja seseorang yang tidak berdaftar sebagai Juruukur Bahan. Ini adalah untuk menentukan bahawa seseorang yang diambil bekerja sebagai Juruukur Bahan benar-benar berkelayakan. Pindaan kepada seksyen 25 ini dibuat bagi menentukan dengan jelasnya bahawa pelanggaran atas mana-mana satu kaedah yang dibuat oleh Lembaga Juruukur Bahan adalah dikira sebagai pelanggaran ke atas peruntukan Akta ini sendiri.

Ini adalah untuk memperbaiki kelemahan dalam peruntukan yang sedia ada sekarang yang tidak jelas sama ada pelanggaran kaedah-kaedah yang dibuat oleh Lembaga Juruukur Bahan boleh dianggap sebagai pelanggaran peruntukan Akta.

Seksyen 26A dipinda bagi memperluaskan kuasa Lembaga Juruukur Bahan membuat kaedah-kaedah di bawah Akta untuk meliputi sebarang kaedah yang diperlukan bagi pelaksanaan fungsi-fungsi dan perjalanan kuasa-kuasanya di bawah Akta. Ini adalah bertujuan memperbaiki kelemahan peruntukan yang ada sekarang yang mengadakan kuasa Lembaga Juruukur Bahan membuat kaedah-kaedah mengenai perkara-perkara yang nyata yang dibenarkan oleh Akta sahaja.

Pindaan kepada Jadual dalam Akta ini adalah untuk membolehkan Lembaga Juruukur Bahan mewakili kuasanya tertakluk kepada sekatan-sekatan yang difikirkannya patut kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantiknya. Ini adalah untuk memperkemas perihal pentadbiran Lembaga Juruukur Bahan.

Demikianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua sebahagian daripada 13 pindaan ke atas seksyen-seksyen yang dicadangkan untuk dipinda.

Seksyen-seksyen yang dicadangkan dipinda yang tidak disebut secara khusus adalah seksyen-seksyen yang bertujuan untuk memperkemaskini seksyen-seksyen yang sedia ada dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang.

Dengan itu, saya mencadangkan Rang Undang-undang Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Adakah di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL**PENANGGUHAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Berdana Menteri [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji

Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat
16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan

Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN**LEBUHRAYA SEREMBAN/PORT DICKSON/PASIR PANJANG**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Can Choong Tak diper-
silakan untuk memberi Ucapan Penangguhan.

4.10 ptg.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak
merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan dengan seriusnya untuk
membina suatu lebuh raya dari Seremban ke Port Dickson dan barangkali
ke pantai Pasir Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Port Dickson merupakan bandar yang kedua
besar di Negeri Sembilan Darul Khusus serta merupakan pantai
pesiaran rakyat Malaysia yang disukai terutama sekali oleh pelancong
dari Selangor dan Negeri Sembilan Darul Khusus. Bandar ini juga
mempunyai suatu pelabuhan kecil yang dapat diperbesarkan. Ia hanya
30 kilometer jauhnya dari Seremban dan merupakan pantai yang paling
permai di Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Port Dickson ini adalah terdapat dua buah kilang yang besar iaitu kilang penapis minyak dan lori-lori minyak besar atau, dengan izin, tankers yang menggunakan jalanraya ini tiap-tiap hari mulai awal pagi. Jumlah tankers yang menggunakan jalanraya ini adalah lebih kurang 800 buah dan kebanyakan tankers ini menggunakan jalan ini sebanyak dua kali sehari. Maka pada amnya pada tiap-tiap hari barangkali jalanraya ini digunakan oleh 1,200 buah tankers. Tambahan pula, lebih kurang 10-15 buah traktor yang membuat pembinaan berdekatan jalanraya ini menggunakan jalanraya ini setiap hari.

Selain daripada itu ada juga di antara 30-40 buah lori yang membawa pasir dari Lukut ke tempat-tempat yang lain. Ada juga terdapat banyak lori yang membawa feedmeal dan barangkali binatang babi dari bukit Pelandok iaitu satu tempat yang besar sekali yang membela binatang babi.

Selain daripada kilang-kilang penapis minyak itu, terdapat juga kilang-kilang yang lain dalam daerah ini dan juga banyak taman perumahan serta suatu taman besar yang dinamakan Kelab Tuanku yang mempunyai beratus-ratus ekar tanah yang masih dimajukan pada masa ini. Apabila taman-taman perumahan ini siap kelak, maka jumlah kenderaan di atas jalanraya ini akan bertambah dengan banyaknya. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dalam usaha untuk menarik lebih pelancong telah mengambil tindakan-tindakan untuk menjadikan Port Dickson sebagai suatu pusat pelancongan yang menarik, bukan sahaja kepada rakyat Malaysia, tetapi juga untuk pelancong-pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya kekurangannya adalah jalan yang menyambungkan Seremban ke bandar Port Dickson. Jalan ini sangat sempit lagi berbelit-belit dan ini telah menjadi penghalang

utama pada tujuan tersebut itu. Kalau pada masa ini satu 'survey' diambil di atas kenderaan yang menggunakan jalan **ini**, kita akan tahu berapakah peratusnya pada setiap jam dan kalau jalanraya ini dibaiki barangkali kenderaan ini mungkin bertambah dengan lebih banyak lagi kerana pelancong-pelancong dari semua tempat tentu ingin melawat Port Dickson. Penduduk-penduduk dan pelancong-pelancong sentiasa menghadapi bahaya dan terpaksa mengorbankan waktu yang lebih semasa menggunakan jalanraya yang sempit, padat dengan lalu lintas serta berbelit-belit ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang jalanraya ini merupakan satu di antara jalanraya yang sangat merbahaya. Statistik berkenaan kemalangan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah kes kemalangan yang dilaporkan:	Jumlah kes kematian akibat kemalangan
1987	67	12 orang
1988	85	5 orang
1989 (sehingga Mei)	(Tidak terdapat)	9 orang

(Selain daripada kes yang dilaporkan itu, ada juga banyak kes-kes kecil yang tidak dilaporkan).

Nampaknya kalau tindakan tegas tidak diambil untuk membaiki jalan ini, kemalangan dan kematian akan bertambah.

Dalam mempertahankan matlamat kami menjadikan Malaysia yang mengutamakan perusahaan pelancongan, jalanraya tersebut di atas haruslah diperbaiki sehingga menjadi lebuhraya tanpa sebarang penangguhan lagi. Dan kalau lebuhraya ini dibuat, saya merayu supaya janganlah dikutip tol di atas lebuhraya ini. Terima kasih.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak kerana telah memberikan perhatian membangkitkan Jalan Seremban-Port Dickson.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Seremban-Port Dickson panjangnya 30 km dan kerja-kerja menaikkan taraf jalan tersebut dijangka memerlukan perbelanjaan lebih kurang S150 juta dengan jalan 4 lorong dua hala. Jalan yang sedia ada dianggap dalam keadaan baik walaupun di setengah-setengah bahagian adalah tidak berapa lurus. Saya bersetuju bahawa Port Dickson merupakan suatu destinasi pelancongan dan pelaburan dan itulah sebabnya Kerajaan memang bercadang pada asalnya untuk menaikkan taraf jalan tersebut.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kos yang terlibat adalah besar juga, Kerajaan telah bercadang untuk menswastakan jalan ini kepada syarikat-syarikat swasta yang berminat. Maka Kerajaan telah membuat tawaran penswastakan jalan berkenaan kepada pihak swasta untuk menaikkan taraf jalan berkenaan kepada 4 lorong dua hala dan pihak swasta dibenarkan mengutip tol. **[Ketawa]**

Pada tahun 1986, 5 buah syarikat telah mengemukakan cadangan mereka. Setelah diteliti adalah didapati semua tawaran tersebut kurang memuaskan dan tidak memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan. Di antara lain pihak swasta meminta agar Kerajaan membayar sejumlah wang sebagai bantuan di samping pihak swasta dibenarkan mengutip tol. Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan projek tersebut masih belum dapat diteruskan.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bagi menaikkan taraf jalan tersebut kerana keadaan ekonomi negara yang tidak begitu menggalakkan pada masa tersebut.

Buat masa ini, jalan tersebut masih boleh menampung 8,000-14,000 lalulintas sehari dengan kadar pertambahan lalulintas sebanyak 4% setahun. Mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kerjaraya, jalan tersebut boleh menampung jumlah lalulintas sehingga tahun 2003. Keadaan jalan Seremban-Port Dickson yang tidak berapa lurus tidaklah begitu berbahaya kepada para pemandu sekiranya pemandu memandu dengan had laju dan mematuhi arahan jalanraya yang ditentukan.

Kemalangan sering kali berlaku apabila pemandu memotong kenderaan lain di kawasan yang dilarang memotong. Di samping itu pemandu juga memandu melampaui had laju yang ditentukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini Kerajaan ada menerima satu cadangan dari sebuah syarikat dan cadangan ini sedang dikaji oleh Kementerian Kerjaraya. Berdasarkan cadangan tersebut, syarikat berkenaan akan mereka-bentuk, membina, menyelaraskan dan mengutip tol di jalan tersebut. Sekiranya cadangan yang dikemukakan itu berpatutan, Kerajaan akan menimbang untuk menerima cadangan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian mengenai jalan ini dan perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul kepada Dewan ini untuk diputuskan. Usulnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3); Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya saya tangguhkan Dewan yang mulia ini kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Saya juga mengambil kesempatan ini menjelang kita menyambut Hari Raya Aidil-Adha pada hari esok, saya dengan sukacitanya mengucapkan Selamat Hari Raya Haji kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini dan juga kepada semua pegawai-pegawai yang bertugas di Dewan yang mulia ini.

Sekian, assalamualaikumwarahmatullahi-taala-hiwabarakatuh.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.23 petang.

